

# Orang kaya kena cukai lebih tinggi

PM pastikan langkah kerajaan jana pendapatan tidak menekan rakyat miskin

Oleh Luqman Arif Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my


**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan berpegang kepada prinsip untuk mengenakan cukai pada kadar lebih tinggi terhadap golongan kaya berbanding orang miskin, selari usaha menjamin aspek pengukuhan fiskal negara.

Memberikan sedikit perincian mengenai Belanjawan 2020 yang akan dibentang di Dewan Rakyat petang ini, Perdana Menteri, Tun

Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah itu sebahagian daripada mekanisme kerajaan untuk menjana pendapatan tanpa memberi tekanan kepada golongan daif.

“Kita cuba kurangkan cukai, tapi kerajaan mesti mempunyai wang bagi tujuan penyaluran subsidi.

“Jika cukai dikenakan pada kadar yang terlalu rendah, kita tidak akan mempunyai cukup peruntukan untuk subsidi. Tapi subsidi ketika ini tidak akan diberi kepada semua orang secara membuta tuli, sebaliknya lebih bersasar dan bagi manfaat golongan memerlukan, malah ada B40 (golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah) yang tidak lagi memerlukan subsidi,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Teknologi Hijau serta Produk Eko Antarabangsa

 **Jika cukai dikenakan pada kadar yang terlalu rendah, kita tidak akan mempunyai cukup peruntukan untuk subsidi. Tapi subsidi ketika ini tidak akan diberi kepada semua orang secara membuta tuli, sebaliknya lebih bersasar.**

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri

BH-11/10/2019 ml/s: 4  
(IGEM) 2019 Ke-10, di sini, semalam.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menjelaskan, permintaan supaya kerajaan menurunkan kadar cukai dan pada masa yang sama menaikkan subsidi, tidak mungkin dapat dilaksanakan.

Harus ada keseimbangan antara cukai dan subsidi agar kerajaan dapat menjana pendapatan dan memberi subsidi, katanya.

“Saya baca dalam surat khabar, ramai minta supaya cukai dikurangkan dan subsidi ditambah, tapi hakikatnya kita kena seimbangkan kedua-duanya. Justeru, kita tidak dapat penuhi permintaan orang ramai yang mahu cukai dikurangkan, manakala subsidi ditambah dari semasa ke semasa,” katanya.

Ditanya mengenai tawaran untuk pengambilalihan PLUS Malaysia Bhd (PLUS), Dr Mahathir

menegaskan, kerajaan perlu menilai semua cadangan dengan rapi.

Kerajaan tidak mempunyai ‘senarai’ tertentu dalam menentukan pembida paling layak, sebaliknya ia bergantung kepada beberapa faktor.

“Keutamaan kerajaan dalam menentukan kelayakan pihak untuk mengambil alih jajaran lebuhraya kendalian PLUS adalah nilai yang ditawarkan pembida agensi swasta.

“Kalau nilai yang ditawarkan adalah lumayan dan seiring tak-siran kerajaan, maka kita akan luluskan,” katanya.

Terdapat banyak cadangan untuk mengambil alih PLUS namun kerajaan perlu memastikan wang kerajaan digunakan dengan bijak, bukan hanya kerana mahu melindungi kerajaan atau menentang pembida tertentu, katanya.